

WACANA PNC

Wadah Ucapan: Menyatu Aspirasi, Mengungkap Visi, Memperkasa Komuniti



**PROF. DR.
SALMIAH
KASOLANG**

**PENOLONG NAIB
CANSELOR
(KEUSAHAWANAN)**

**AKADEMI PEMBANGUNAN
PKS & KEUSAHAWANAN
MALAYSIA (MASMED)**

Edisi 1/2024



0 34581 84028 54 2

WACANA PNC 16

SELF HEALING & *beauty workshop* MASMED UITM & FMMC TEGUH RESOURCES

25 Oktober 2024 | Bilik Seminar 1

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat sejahtera, Salam UITM di hatiku dan Salam Malaysia MADANI.

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadirat lahi kerana pada hari ini kita diberikan keizinan untuk bersama-sama berada PROGRAM SELF HEALING & BEAUTY WORKSHOP ANURAN MASMED UITM & FMMC TEGUH RESOURCES. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menzahirkan rasa teruja kerana sambutan yang diberikan oleh warga UITM ke atas program kita kali ini. Saya difahamkan sambutan amat2 menggalakkan. Jutaan terima kasih kepada warga UITM kerana sering memberikan sokongan dan kerjasama kepada setiap program yang kami laksanakan.

Tahniah dan syabas saya ucapkan juga kepada Jabatan Penjenamaan Korporat dan Strategik, dan warga kerja FMMC Teguh Resources selaku peneraju dan Jawatankuasa Pelaksana PROGRAM SELF HEALING & BEAUTY WORKSHOP ANTARA MASMED UITM & FMMC TEGUH RESOURCES. Walaupun agenda ini dirancang dalam tempoh masa yang singkat, namun akhirnya dapat jua dilaksanakan.

Program ini bertujuan untuk memberi ruang kepada warga UITM untuk memahami betapa pentingnya menjaga kesihatan dalaman dan kecantikan luaran. Dengan adanya program ini, kita akan dapat mempelajari pelbagai kaedah dan amalan yang dapat membantu kita menguruskan diri secara holistik, termasuk dari aspek kesihatan mental dan fizikal. Selain itu, kita juga akan belajar tentang teknik taratari yang mudah dan praktikal yang boleh kita aplikasikan dalam kehidupan seharian.

"Beauty is an expression of the inner and outer simplicity, kindness and uniqueness of a person" - Debasish Mridha





Saya harap melalui program ini, setiap peserta akan mendapat manfaat yang berharga dan dapat mengaplikasikan pengetahuan serta kemahiran yang diperolehi untuk meningkatkan kualiti hidup. Saya berharap kita juga dapat meningkatkan kebahagiaan diri sendiri serta orang sekeliling. Pendek kata, kita nak cantik untuk diri sendiri, orang tersayang dan orang sekeliling walaupun kita sedar yang cantik itu adalah perkara yang subjektif.

Sekali lagi, saya mengucapkan selamat datang dan harap agar kita dapat menjalin hubungan yang baik serta menjalani program ini dengan penuh semangat dan ceria. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan "PROGRAM SELF HEALING & BEAUTY WORKSHOP ANJURAN MASMED UTM & FMIC TEGUH RESOURCES pada kali ini.

Sekian, Wabillahii Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.



*Beauty begins in
the moment you
decide to be yourself
- Coco Chanel*



Hubungi Kami

**Akademi Pembangunan PKS dan
Keusahawan Malaysia (MASMED)**

Kompleks Usahawan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor



+603-5543 5665 / 5660



<https://masmed.uitm.edu.my>



korporatmasmed@uitm.edu.my



Kompleks Usahawan, UiTM

**KOMPLEKS
USAHAWAN**